

BERITA HARIAN

DATE: 17/4/2008

Muhyiddin tak cabar Pak Lah

Naib Presiden Umno minta jangan salah anggap kelantangan bela nasib parti

Oleh Azman Zakaria
dan Anwar Hussin

PETALING JAYA: Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhyiddin Yassin (**gambar**) menafikan beliau akan mencabar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi atau Datuk Seri Najib Razak dalam pemilihan Umno yang akan diadakan Disember ini.

Sehubungan itu, beliau meminta semua pihak dalam Umno supaya tidak menyalah anggap kelantangan dalam membela nasib parti sebagai menyimpan hasrat untuk bertanding jawatan Presiden atau Timbalan Presiden.

"Niat saya ikhlas... bukannya untuk bertanding melawan Pak Lah atau Datuk Seri Najib," katanya kepada pemberita selepas Jawatankuasa Pengurusan Umno mengadakan pertemuan tertutup dengan Badan Perhubungan Umno Negeri Selangor, di sini semalam.

Beliau yang juga Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri diminta mengulas mengenai kelantangannya bersuara selepas Barisan Na-



sional (BN) mengalami prestasi buruk dalam pilihan raya umum lalu.

Muhyiddin berkata, dalam keadaan senario politik yang dianggap meruncing, beliau bertanggungjawab untuk memainkan peranan bagi menyelamatkan parti dengan membangkitkan kesedaran dan menyuarakan yang benar.

"Saya perlu membantu dalam keadaan kritikal ini supaya Melayu tidak terjerumus sehingga masuk ke gaung dan tidak boleh bangun lagi," katanya yang mahu ahli Umno perlu

sedar mereka berada dalam zon bahaya dan sesuatu perlu dilakukan.

Sementara itu, seorang lagi Naib Presiden Umno, Datuk Seri Mohd Ali Rustam, berkata Umno dan BN kini mesti memberi tumpuan terhadap usaha untuk menunaikan janji yang dibuat pada pilihan raya umum lalu dan menarik sokongan golongan muda.

"Isu pelan peralihan kuasa biarlah Perdana Menteri dan timbalannya berbincang dari hati ke hati," katanya kepada *Berita Harian* sebelum majlis perjumpaan tertutup itu.

Ketua Penerangan Umno, Tan Sri Muhammad Muhd Taib, meminta semua pihak tidak menyalahkan Abdullah saja, sebaliknya hendaklah sama-sama menilai kelebihan dan kekurangan masing-masing.

"Dengan ini, barulah kita dapat membaiki keadaan demi kebaikan masa hadapan kita," katanya yang juga Menteri Pembangunan Luar Bandar.

Beliau berkata, *Berita Harian* mengeluarkan artikel berbentuk nasihat yang baik kepada semua pihak untuk muhasabah diri masing-masing.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Nazri Aziz, berkata perkara penting sekarang ialah mengambil tindakan memperkukuhkan parti, menangani isu, melaksanakan janji dan tidak mengulangi kesilapan lalu yang menjejaskan prestasi BN.

Ketua Puteri Umno, Datuk Noraini Ahmad, berkata ahli Umno kini mesti memberi fokus untuk melaksanakan agenda masa depan negara.

"Isu yang sudah berlalu tidak harus diungkit kerana ia tidak akan membawa Umno ke mana-mana tetapi mesti dijadikan iktibar dan tidak diulangi. Jangan salah menyalah sesama sendiri tetapi fokus untuk meningkatkan prestasi," katanya.

Yang Dipertua Dewan Negara, Tan Sri Dr Abdul Hamid Pawanteh, pula berkata Umno mesti membuka lembaran baru dengan melaksanakan pendekatan lebih berkesan, termasuk cara mendokong BN.

"Umno mesti membawa politiknya supaya betul-betul mendokong konsep negara Malaysia pelbagai kaum dengan Melayu sebagai teras tetapi bukan parti dominasi. Umno tidak harus mengguris hati sesiapa dan

tidak harus melaung-laungkan ketuanan Melayu," katanya.

Veteran Umno, Tan Sri Abdul Aziz Tapa, berkata persoalan sama ada Abdullah patut berundur atau menetapkan tempoh peralihan kuasa bergantung kepada pemimpin itu.

"Kalau beliau fikir beliau boleh menyelesaikan masalah yang dihadapi sekarang, beliau boleh teruskan. Cuma dalam keadaan semua orang sangsi, makin cepat mungkin lebih baik seperti kata Datuk Seri Rafidah Aziz jangan sampai nasi jadi bubur," katanya.

Bagaimanapun, Presiden Generasi Profesional & Pewaris Bangsa (Prowaris), Feriz Omar, pula berkata berdasarkan kaji selidik yang dijalankan pihaknya, faktor terpenting menyebabkan prestasi buruk BN ialah rakyat menolak kepemimpinan Abdullah yang dianggap sebagai lemah dan gagal membuat pembaharuan seperti dijanjkannya.

"Sehubungan itu, memang wajar Abdullah berundur dan melepaskan jawatan secara terhormat dengan segera bagi mengelakkan keadaan menjadi bertambah buruk," katanya.